

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 10/05/2020
Edisi / Muka Surat : Nasional / 32
Tajuk : Bomba Selangor terima Al-Quran

Bomba Selangor terima al-Quran

Sebagai tanda sokongan kepada anggota yang turut bertugas melawan Covid-19

Oleh ROSALWANI CHE SOH

SHAH ALAM

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor menerima sebahagian sumbangan naskhah al-Quran untuk diagihkan kepada anggotanya bagi menyemarakkan dan membudayakan kitab suci itu sempena Ramadan kali ini.

Sumbangan al-Quran itu adalah hasil Program Wakaf Quran Mu'Jam yang digerakkan oleh Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF).

Penyerahan tersebut disempurnakan Ketua Pengarang Kumpulan *Sinar Harian*, Datuk



Sebahagian yang hadir pada program Moreh Satu Meter *Sinar Harian* Bersama Anggota Balai Bomba dan Penyelamat Seksyen 15, Shah Alam malam kelmarin.

Baharom Mahusin di Balai Bomba dan Penyelamat Seksyen 15 di sini malam kelmarin.

Majlis penyerahan itu diadakan sempena program Moreh Satu Meter *Sinar Harian* bersama anggota Balai Bomba dan Penyelamat Seksyen 15 di sini dengan anjuran bersama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa).

Hadir sama, Timbalan Pengarah JBPM Selangor, Wan

Md Razali Wan Ismail; Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah dan Pengurus Kanan Tugas-Tugas Khas Kumpulan Karangkrif, Hashim Anang.

Wan Md Razali berkata, pihaknya menyambut baik program wakaf al-Quran itu dan berharap anggotanya dapat menghayati bacaan al-Quran walau dalam kekangan tugas sehari-hari.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, pihaknya turut mendekati pasukan barisan hadapan dan kali ini bersama anggota bomba yang turut bertugas tidak mengira masa ketika menghadapi coronavirus (Covid-19) ketika ini.

"Kita sampaikan bungkusan makanan dan barangan keperluan harian kepada mereka dan ini merupakan tanggungjawab sosial kita," kata beliau.



Baharom (kanan) menyerahkan al-Quran kepada Wan Md Razali kelmarin.

Malaysia#QuranTime
Wakaf Al-Quran
Ke Hospital & Pusat Rawatan
Seluruh Negara
GERAKAN WAKAF QURAN UNTUK UMMAH
40,000 QURAN @ 400 #QURANCORNER
Dipaparkan untuk info di #QuranCorner dan
Trek Bersebelah di media sosial. Untuk maklumat,
silalah hubungi kami melalui:
@QuranCornerMalaysia
Maybank Islamic
Warisan Ummah Ikhlas Foundation
5642 7651 6031